



## "KUKUHKAN PERPADUAN, ELAKKAN PERPECAHAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الدِّينَ رِبَاطًا مَتِينًا بَيْنَ قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ.	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْقَوِيُّ الْمُتَّيْنُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ دُوْلُخُلُقُ الْكَرِيمُ.	3
. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
<b>Hadirin Jumaat yang berbahagia sekalian,</b>  Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan keberkatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.	5
Tajuk khutbah Jumaat pada hari ini ialah " <b>KUKUHKAN PERPADUAN, ELAKKAN PERPECAHAN</b> ".	6
<b>Muslimin yang dikasihi sekalian,</b>	
Agama Islam adalah agama Allah. Agama yang kuat lagi sejahtera. Umat Islam yang berpegang teguh dengan akidah Islam dan bersungguh-sungguh mematuhi ajarannya, akan menjadi umat yang bersatu padu, kuat dan hebat.	7
Sejak kebelakangan ini, orang Islam kelihatan semakin lemah dan longlai dari pelbagai aspek kehidupan dalam arus perkembangan negara masa kini. Apakah puncanya? Jawapannya ialah berlakunya perpecahan, perbalahan dan permusuhan sesama sendiri. Akhirnya semangat perpaduan menjadi semakin luntur. Sedangkan perpaduan dalam kalangan orang Islam amat penting dan mesti dipelihara demi masa depan orang Islam sendiri.	8



Firman Allah SWT dalam surah ali Imran ayat 103:	9
<p style="text-align: center;">وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا.</p> <p><i>"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai."</i></p>	
Sesungguhnya perpaduan adalah asas kepada pembangunan sesebuah negara. Sebaliknya, perpecahan, perbalahan dan permusuhan akan membawa kehancuran dan kemusnahan. Dalam hal ini, Allah SWT mengingatkan kita supaya mengutamakan perpaduan demi kekuatan ummah	10
ummah sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 46:	
<p style="text-align: center;">وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَزَّعُوا فَتَفَشَّلُوا وَتَذَهَّبَ رِحْكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ.</p>	11
<p><i>"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar."</i></p>	12
<b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</b>	
Perpecahan dikalangan orang Islam yang berlaku akhir-akhir ini dilihat begitu ketara sekali. Perbalahan dan pertelingkahan secara terbuka berlaku di mana-mana sahaja termasuklah dalam media-media sosial dan di media arus perdana. Perbalahan ini mencakupi semua aspek sehingga perkara kecil pun dijadikan punca kepada pertelingkahan dan kemudiannya mengakibatkan perpecahan.	13
Gejala perpecahan ini menjadi bertambah buruk apabila terdapat sesetengah pihak yang melemparkan cercaan dan kehinaan terhadap bangsanya sendiri secara bebas dan terbuka tanpa sekatan, tanpa rasa dan segan dan silu.	14



<p>Allah SWT telah menegaskan bahawa budaya mengecam, mencerca dan menghina yang boleh menyakiti orang lain adalah suatu dosa yang besar di sisi Allah.</p> <p>Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 58:</p> <p style="text-align: center;">وَالَّذِينَ يُؤْذِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْتَسَبُوا فَقَدِ أَحْتَمَلُوا بُهْتَنَّا وَإِنَّمَا مُّبِينًا</p>	15
<p>"Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata."</p>	16
<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Islam sentiasa menyeru umatnya agar bersikap kasih sayang, berbaik sangka, tolong-menolong, bersatu-padu, bertolak ansur dan sentiasa bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain. Sebaliknya nilai-nilai mulia ini hendaklah dihayati kerana ia diumpamakan seperti anggota tubuh badan kita saling memerlukan antara sesama anggota badan yang lain.</p>	17
<p>Hadis daripada An-Nu'man bin Bashir Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُّوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى</p>	18
<p>"Kamu dapati orang-orang mukmin dalam berkasih sayang, bermesra dan berbaik-baik sesama mereka sama seperti tubuh badan, apabila mengadu sakit salah satu anggota badan, maka seluruh anggota badan yang lain akan berjaga malam dan turut merasai sakit yang sama."</p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	19



<p>Namun demikian, realitinya sekarang ini, semua nilai-nilai murni itu kurang diambil perhatian. Ia sepatutnya wujud dalam diri setiap Muslim disetiap peringkat.</p> <p>Sepatutnya nilai-nilai murni itu menjadikan kita umat yang insaf, sentiasa memperbaiki kesilapan diri, menjauhi perpecahan dan bertelingkahan, nasihat menasihati antara satu dengan yang lain, dan sentiasa berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenarnya.</p>	20
<p>Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa ayat 146:</p> <p style="text-align: center;">إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَأَعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَأَخْلَصُوا دِينَهُمْ لِلَّهِ فَأُولَئِكَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ وَسَوْفَ يُؤْتَ إِلَهُ الْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا</p>	21
<p>"Kecuali orang-orang yang bertaubat (dari perbuatan munafik itu) dan memperbaiki amalan mereka (yang salah), dan mereka pula berpegang teguh kepada (agama) Allah, serta mengerjakan agama mereka dengan ikhlas kerana Allah, maka mereka yang demikian itu ditempatkan bersama-sama orang-orang yang beriman (di dalam Syurga); dan Allah akan memberikan orang-orang yang beriman itu pahala yang amat besar.</p>	22
<p><b>Muslimin yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Mengambil kira keadaan semasa mengenai perpecahan ini, umat Islam diseru agar bersatu-padu dan bantu membantu seterusnya memperkuat perpaduan dan mengelak perpecahan. Ini dapat dilaksanakan dengan membina hubungan yang baik disetiap lapisan masyarakat.</p>	23
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:</p> <p style="text-align: center;">تُرَحَّمُونَ لَعَلَّكُمْ أَلَّهُ وَاتَّقُوا أَخْوَيْكُمْ بَيْنَ فَأَصْلِحُوا إِخْرَاجَ الْمُؤْمِنُونَ إِنَّمَا</p>	24
<p>"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaiakanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."</p>	25



<b>Hadirin yang berbahagia,</b>  Perpaduan umat Islam boleh diperkuuhkan lagi dengan sikap berbaik sangka, kerjasama yang erat, saling memahami antara satu sama lain, menghindari perbuatan khianat dan dendam serta mementingkan diri sendiri.	26
Ambillah iktibar dan pengajaran daripada sejarah kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. Negeri Melaka yang pada satu ketika dahulu terkenal dengan kegemilangan sebagai pusat perdagangan, pusat perkembangan ekonomi serta pusat penyebaran agama Islam secara meluas, namun tumbang kepada kuasa luar hanya kerana wujudnya pengkhianatan, hasad dengki, tamak haloba, perpecahan dan perebutan kuasa dalam pentadbiran kerajaan Melaka pada ketika itu.	27
Oleh itu, marilah kita sama-sama mulakan langkah dengan merapatkan saf, bersatu-padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham dan berusaha untuk bangkit semula menjadi satu umat yang kuat, bermaruah dan bermatlamat, demi kepentingan agama, bangsa dan negara kita.	28
Firman Allah SWT dalam surah al-Saff ayat 3:   كَبُرَ مَقْتَأً عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ	29
"Amat besar kebencianya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."	
<b>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,</b>  Mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita menghayatinya dengan mengambil pengajaran berikut supaya menjadi panduan dalam hidup kita:	
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kewajipan hidup bersatu padu adalah perintah Allah SWT.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa perpecahan umat adalah bertentangan dengan perintah Allah SWT yang akan merugikan umat Islam sendiri.</li><li>3. Umat Islam hendaklah memelihara perpaduan yang akan menjamin kelangsungan umat Islam di Negara ini.</li><li>4. Umat Islam hendaklah memberhentikan serta merta amalan buruk dan sifat terkutuk seperti dengki, dendam, khianat, memfitnah dan mencerca sesama muslim yang menyebabkan kehancuran terhadap ummah.</li></ol>	30



<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَآخْتَلُفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ <b>لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ</b></p>	31
<p><i>"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(ali Imran : 105).</i></p>	32
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	33
<p>أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	34



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَعَاهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الْأَذْيَاءُ إِمَّا مُؤْمِنُوْا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَتُتَحَفَظُ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُوْ أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



فِي أَمْنٍ وَصَالَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。	9
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	10
Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.	11
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	12
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ	13
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ	14
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَنِدِكُرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15